

24/05/1997

MSC: 14 firma dijangka labur lebih RM700 juta

Hatipah Ahmad

MULTIMEDIA Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dijangka menerima pelaburan melebihi RM700 juta daripada 14 syarikat antarabangsa yang memeterai perjanjian dengan beberapa syarikat tempatan di London, baru-baru ini.

Komitmen pelaburan bagi setiap syarikat bernilai antara RM50 juta (AS\$20 juta) dan RM250 juta (AS\$100 juta).

MDC ialah syarikat yang memajukan rancangan Koridor Raya Multimedia (MSC), projek infrastruktur multimedia berkuasa di antara 2.5 dan 10 gigabit meliputi kawasan seluas 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang ke selatan Kuala Lumpur.

Pengerusi yang juga Ketua Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata perjanjian itu dimeterai di London sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Menurutnya, komitmen pelaburan itu adalah untuk memajukan MSC sebagai landasan dan rangkaian multimedia yang terulung demi kepentingan industri teknologi maklumat keseluruhan.

"Dua daripada 14 perjanjian itu membabitkan perjanjian di antara Telekom Malaysia Bhd dan Marconi SPA serta GEC-Marconi Ltd, bagi meningkatkan kerjasama dalam rangkaian telekomunikasi.

"Perjanjian itu dimeterai ketika Dr Mahathir melawat kilang syarikat Itali yang terletak di Caswell, kira-kira 100 kilometer dari London," katanya selepas membentangkan kertas kerja bertajuk MSC - Menuju Era Baru Perhubungan di Petaling Jaya, semalam.

Perjanjian antara Telekom dan Marconi itu akan membabitkan penubuhan makmal di MSC untuk membangunkan teknologi rangkaian telekomunikasi manakala perjanjian dengan GEC-Marconi pula untuk penubuhan kilang gallium arsenide di MSC.

Othman berkata, perjanjian lain yang turut dimeterai, termasuk dalam tiga bidang iaitu pendidikan dan latihan, pembangunan aplikasi serta telekomunikasi dan infrastruktur.

Kata beliau, antaranya ialah GBN Consulting (M) Sdn Bhd dan John Fripp & Associates; RQ Net Sdn Bhd dan The University of Central London; Land & General Bhd dan New Media Press Ltd.

Syarikat lain ialah Team Vantage Sdn Bhd dan Siemens AG; SCS Computer Systems Sdn Bhd dan Sema Group; IRIS Technologies Sdn Bhd dan Xanadu and E-Pass International Ltd. Begitu juga dengan Unico Technology Sdn Bhd dan Plectex Ltd; Lityan Holdings Bhd dan Ascom AG; KUB (M) Bhd dan Krone AG; CSE Avel-Tech Sdn Bhd, Thomson-SCF Communication dan Securico Datatrak Ltd; Abrar Group International Sdn Bhd dan Krone AG; PNB Equity Resource; dan FibreCore Inc.

Sementara itu, katanya, MDC bercadang membuka dua lagi pejabat yang akan mempromosikan MSC di Lembah Silikon, California dan Jepun pada akhir tahun ini. Ketika ini, pihaknya hanya mempunyai sebuah pejabat di Vancouver, Kanada.

MDC juga akan mengadakan siri promosi ke Asia Barat dan beberapa negara lain, tidak lama lagi.

(END)